

an asal dari Arkib
Negara Malaysia

Mahathir dijadual lawat mangsa kebakaran

ALOR SETAR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, mempunyai dua acara ketika beliau pulang ke sini petang 2 Ogos depan.

Sebaik-baik sahaja tiba di Lapanganterbang Kepala Batas, beliau dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah akan terus ke Kokdiang untuk melawat tempat kebakaran yang berlaku petang Rabu minggu lalu.

Di sana, beliau akan menyampaikan bantuan kepada jawatankuasa kebakaran yang ditubuhkan, sumbangan dari Majlis Kebajikan Pusat Daerah Kubang Pasu dan juga Pegawai Daerah selaku pengerusi Jawatankuasa Malapetaka Daerah.

Dari Kokdiang beliau akan melawat Masjid Bukit Tinggi, sembilan batu dari sini, untuk berbuka puasa dan merasmikan majlis menyambut Nuzul Quran serta syarahan agama anjuran jawatankuasa qariah masjid tersebut dan Jabatan Kemas Kedah.

Di akhir majlis itu Ahli Exco Negeri, Datuk Haji Osman bin Aroff, akan menyampaikan hadiah kepada peserta.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Haji Osman menyumbangkan bantuan kira-kira \$4,000 untuk 40 buah masjid sekitar kawasan Kuban Pasu bagi mengadakan jamuan berbuka puasa.